



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KAMPUS UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM) SKUDAI, JOHOR

Dikemaskini pada 20 Mei 2021

Aktiviti dibenarkan

- Pergerakan keluar masuk perkhidmatan perlu
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan kecemasan

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar masuk ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM

Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

Waktu Berkuat Kuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan	Dibenarkan dengan bersyarat
<u>AKTIVITI DAN PROTOKOL</u>					
Tindakan	Penerangan Ringkas				
Kawasan yang Terlibat	Kampus Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor				
Tempoh Kuat Kuasa	21 Mei 2021 (12.01am) hingga 3 Jun 2021 (11.59pm)				
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM dan RELA. • Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup dan dikawal kemasukan oleh PDRM. • Pergerakan keluar masuk dalam kawasan PKPD adalah tidak dibenarkan. Kebenaran hanya boleh diberikan oleh pihak PDRM dan KKM berdasarkan case to case basis. • Tiada tetamu atau pelawat luar dibenarkan masuk sepanjang tempoh PKPD. • Pergerakan keluar masuk untuk perkhidmatan perlu berkaitan pengoperasian dalam kawasan kampus seperti bekalan bahan bermasak, syarikat pengurusan sisa pepejal, syarikat pengurusan sisa klinikal dan lain-lain dibenarkan dengan kebenaran PDRM dan KKM. 				
Saluran Makanan Dan Barang Keperluan Asas	<ul style="list-style-type: none"> • Bekalan makanan dan keperluan asas akan diselaraskan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah. • Sumbangan makanan dan barangan keperluan dari NGO, ADUN kawasan dan lain- lain sumber akan diselaraskan oleh PKOB Daerah. 				
Aktiviti Dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> • Semua aktiviti sosial, keagamaan, sukan dan rekreasi adalah TIDAK DIBENARKAN. • Saringan secara bersasar kepada pelajar dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM • Lain-lain aktiviti yang ditetapkan oleh Kerajaan. 				